

Rancangan sulit tukar kepimpinan di Kelantan hanya spekulasi akhbar

UM 30 MAR 2002
SHAH ALAM 29 Mac — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menfikatkan dakwaan wujud rancangan sulit oleh 12 ketua bahagian parti itu di Kelantan untuk menukar kepimpinan di peringkat negeri, sebagai spekulasi akhbar semata-mata.

Walaupun pertemuan ketua-ketua bahagian terbabit diadakan beberapa jam selepas mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan pada 16 Mac lalu dikatakan telah disahkan oleh pemimpin dari negeri itu, br. Mahathir berkata:

“Ini spekulasi. Orang tak ada kerja lain nak jual surat khabar kut... bawa cerita macam-macam.”

Perdana Menteri berkata, sehingga kini beliau tidak tahu-menahu mengenai pertemuan dan rancangan tersebut melainkan menerusi laporan akhbar.

“Tak tahulah (laporan itu sah) nak kena tanya 12 orang itu. Dia beri kat press dulu, dia utamakan press tak utamakan pemimpin dia, tak upayalah nak buat apa,” katanya di sini hari ini.

● Komen Mustapa Mohamed — Muka 8

Akhbar *New Strait Times* hari ini melaporkan 12 ketua bahagian UMNO Kelantan yang mengadakan pertemuan beberapa jam selepas mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Negeri, sepakat mengatakan yang kepimpinan parti di negeri itu yang diketuai oleh Datuk Mustapa Mohamed, tidak efektif dan patut ditukar.

Ditanya mengenai keperluan untuk UMNO menukar kepimpinan di Kelantan bagi menghadapi Pas, Dr. Mahathir menjawab: “Tidak ada pemimpin yang kekal. Kadang-kadang pemimpin itu tidak efektif.”

Beliau sendiri menurutnya, pernah mengetuai Badan Perhubungan UMNO Kelantan dan selepas itu digantikan dengan Tengku Razaleigh Hamzah yang kemudiannya berhenti dan diambil alih pula oleh Mustapa.

Dr. Mahathir bagaimanapun menolak tanggapan bahawa beliau cuba membayangkan yang Mustapa akan digantikan dengan orang lain menerusi kenyataannya itu.